

13 OCT 2002  
SLUG : MAHATHIR-GAYA  
TARIKH : 13 OKTOBER 2002  
LOKASI : PAYA INDAH WETLANDS, DENGKIL, SELANGOR  
DUR: 1:20

SHOTLIST : Cutaways PM serah tram elektrik kepada Paya Indah, cutaways PM naik tram elektrik untuk meninjau suasana Paya Indah,

INTRO:

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya keyakinan orang ramai Barisan Nasional (BN) akan memenangi pilihan raya kecil kawasan Parlimen Gaya menyebabkan ramai yang tidak keluar mengundi semalam.

Bagaimanapun beliau berpuas hati, walaupun jumlah yang mengundi rendah, tetapi calon BN Liew Teck Chan mendapat kelebihan undi yang banyak.

NARRATION:

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pengundi berpendapat kalau tidak mengundi pun tidak apa, malahan ada di kalangan mereka tidak berada di kawasan itu pun pada hari mengundi.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan lima buah tram elektrik Tenaga Nasional Bhd kepada Paya Indah Wetland, sempena sambutan ulang tahun pertama taman itu.

Pada pilihan raya kecil semalam, BN mengekalkan kerusi Parlimen Gaya dengan kemenangan yang jauh lebih besar, apabila mencatat majoriti hampir tiga kali ganda sebanyak 11,923 undi berbanding majoriti 4,117 yang diperolehi pada pilihan raya umum 1999.

Kira-kira 45 peratus sahaja daripada 49,427 pengundi berdaftar keluar mengundi pada pilihan raya kecil itu.

Ketika ditanya mengenai saranan anggota parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah supaya beliau memikirkan semula peletakan jawatannya dan bertanding pada pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata beliau tetap dengan keputusannya untuk bersara.

Perdana Menteri bagaimanapun, mengulangi perjuangannya dalam politik akan tetap diteruskan walaupun tidak menjadi wakil rakyat di kawasan Kubang Pasu.

Katanya setelah bersara kelak, beliau akan mempunyai lebih banyak masa untuk memberi tumpuan kepada bidang politik berbanding sekarang.

-BERNAMA TV  
FA RV RON RI